



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6072
Faks : 03-8888 5124
Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan kami : KPM.UI.S.500-5/12/11 Jilid 28 (2)

Tarikh : 23 Julai 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan,

LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM DI BAWAH SUBPERATURAN 19(1) DAN 19(2) PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) P.U. (A) 395/1993 BAGI PEGAWAI DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)

Perkara di atas adalah dirujuk dan surat Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam rujukan JPA.600-8/1/3 Jld.2 (2) bertarikh 19 Jun 2025 : Larangan Membuat Pernyataan Awam Di Bawah Subperaturan 19(1) dan 19(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) P.U. (A) 395/1993 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan, surat ini dikeluarkan bagi memberi peringatan kepada semua Pegawai di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) untuk mematuhi Larangan Membuat Pernyataan Awam Di Bawah Subperaturan 19(1) dan 19(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) P.U. (A) 395/1993.

3. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan, sedia maklum, penggunaan media sosial secara meluas telah mengubah landskap komunikasi dan penyampaian maklumat di seluruh perkhidmatan awam. Kerajaan sentiasa cakna dalam usaha mengoptimumkan penggunaan media komunikasi terutamanya menerusi media sosial bagi membolehkan penyaluran maklumat berkaitan dasar-dasar Kerajaan sentiasa telus, berhemah serta memberi impak positif kepada rakyat. Media sosial merupakan platform yang membolehkan agensi berkomunikasi secara pantas tanpa sempadan dengan orang awam dan pemegang taruh untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

4. Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan 19(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993 [P.U.(A) 395/1993], pegawai awam tidak boleh secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain seperti berikut:

- (a) Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
- (b) Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan;
- (c) Membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
- (d) Mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

Manakala subperaturan 19(2) pula memperuntukkan bahawa seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain ;

- (a) Membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan;
- (b) Memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi Kerajaan;
- (c) Memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan; atau
- (d) Menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain,

Rujukan kami : KPM.UI.S.500-5/12/11 Jilid 28 (2)

Melainkan jika kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus, telah diperoleh terlebih dahulu daripada Menteri.

5. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan, adalah dimohon untuk menasihati dan memastikan pegawai di bawah seliaan agar berhemah dalam membuat apa-apa pernyataan, ulasan atau komen dan tidak sekali-kali menyebarkan maklumat palsu, berunsur hasutan, fitnah, provokasi, atau yang tidak dapat disahkan kebenarannya. Sekiranya pegawai di dapati melakukan kesalahan tersebut, **pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga dibuang kerja** sebagaimana diperuntukkan di bawah P.U. (A) 395/1993.

6. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan, juga diharapkan dapat mengedarkan surat peringatan ini kepada semua pegawai di bawah seliaan masing-masing.


7. Segala kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan, berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,



(DATO' TS. DR. HAJJ AMINUDDIN BIN HASSIM)

Rujukan kami : KPM.UI.S.500-5/12/11 Jilid 28 (2)

s.k.:

- (i) Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
- (ii) Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan)
- (iii) Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- (iv) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Dasar & Kurikulum)
- (v) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)
- (vi) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme)

SENARAI EDARAN

1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Audit Sekolah
2. Ketua Akauntan
Bahagian Akaun
3. Setiausaha Bahagian
Bahagian Tajaan Pendidikan
4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
5. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
6. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Pengarah
Bahagian Matrikulasi
8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan
9. Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
10. Pengarah
Bahagian Profesionalisme Guru
11. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

12. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
13. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
14. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
15. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
16. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Aset
17. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
18. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
19. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
20. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
21. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
22. Setiausaha Bahagian
Bahagian PERMATA
23. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan

24. Setiausaha Bahagian
Bahagian Psikologi dan Kaunseling
25. Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
26. Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
27. Pengarah
Institut Aminuddin Baki
28. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
29. Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
30. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir
31. Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
32. Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia
33. Ketua Unit
Unit Audit Dalam
34. Ketua Unit Integriti
Unit Integriti
35. Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat

36. Penasihat Undang - Undang
Unit Undang-undang
37. Pengarah
English Language Teaching Centre
38. Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Didik Negara
39. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Kota Buku

SENARAI EDARAN LUAR

1. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
3. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
5. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
6. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
7. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
8. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

9. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
10. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
11. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
12. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
13. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
14. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
15. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Labuan
16. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya